

01 JUL 2000

Mohd Ali-MT

MOHD ALI YAKIN MUKA BARU MT BOLEH BAWA KEKUATAN KEPADA PARTI

MELAKA, 1 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam yakin pelantikan muka-muka baru dalam majlis tertinggi (MT) Umno boleh membawa kekuatan kepada parti.

Beliau berkata ia juga boleh membawa suasana dan input baru kepada Umno dalam memperjuangkan nasib bangsa dan masa depan negara.

"Saya lihat ia satu campuran yang baik terutama pelantikan golongan muda yang akan menyumbang kekuatan Umno," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program "5K" Perhubungan Umno Melaka di Yayasan Melaka, di sini, hari ini.

Beliau mengulas pelantikan muka-muka baru sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang melibatkan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, Ketua Penerangan Pemuda Umno Azimi Daim, Pengerusi Bank Rakyat Dr Norraesah Mohamad dan peguam Azlina Othman.

Beliau yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Melaka dan memenangi pemilihan MT dengan undi terbanyak berkata yang penting ahli Umno mahu melihat parti bertambah kuat dan terus cemerlang.

Mengenai program "5K " yang dilancarkan iaitu kesetiaan, kecintaan, kecemerlangan, keyakinan dan kepimpinan, Mohd Ali berkata ia satu program penerangan Umno Melaka ke semua cawangan. Antara objektifnya ialah berusaha memelihara semangat kesetiaan ahli Umno.

Menurutnya program selama empat tahun sehingga 2004 itu bagi memperkukuhkan perpaduan dan menawan hati golongan muda yang menentang kerajaan pada pilihan raya umum lepas.

"Kita akan pameran usaha mulia, akhlak terpuji dan kepimpinan yang luhur demi mengembalikan kecemerlangan dan keyakinan masyarakat khususnya generasi muda," katanya.

Beliau berkata setiap dewan undangan negeri akan mengadakan satu ceramah besar-besaran sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan, membincangkan isu-isu semasa.

Beliau juga berkata Umno Melaka akan mengadakan satu konvensyen khas pada 16 Julai depan, di Seri Negeri di sini, untuk mengupas dan membincangkan amanat Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-54 pada Mei lepas.

Mohd Ali berkata ia akan dihadiri oleh 2,000 ahli dan pemimpin. Turut dibincangkan nanti ialah hujah penggulungan sewaktu Dr Mahathir menutup perhimpunan itu.

-- BERNAMA

NO zb